

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA,
PENGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI
[LAHAD DATU]**

TARIKH : 23 NOVEMBER 2020 (ISNIN)

SOALAN

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan pelan perancangan Kementerian bersama Kerajaan Negeri Sabah dalam memulihkan semula ekonomi perusahaan kecil dan sederhana di Sabah kesan daripada gelombang ketiga COVID-19.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Penularan wabak COVID-19 sememangnya memberikan kesan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) memandang serius mengenai perkara ini dan telah mengambil beberapa tindakan segera melalui program turun padang, mengadakan beberapa siri perjumpaan, dialog, perbincangan secara 'on-line', dan taklimat kepada pengusaha PKS termasuk di Sabah. Secara khususnya MEDAC tidak mempunyai pelan perancangan bersama Kerajaan Negeri Sabah sahaja tetapi lebih kepada perancangan di peringkat negara dalam memulihkan semula ekonomi PKS.

2. Namun begitu, MEDAC telah mengadakan program di Sabah pada 21 dan 22 September 2020 bagi tujuan membantu usahawan-usahawan mikro, PKS dan koperasi di Sabah yang melibatkan agensi-agensi seperti Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (SME Corp) dan INSKEN.

3. Program-program yang dilaksanakan adalah Majlis Dialog bersama Persatuan-Persatuan Usahawan Sabah (PUSH) dan Tunas Usahawan Belia Bumiputera Sabah (TUBERs), Seminar Pemantapan Dan Pengukuhan Koperasi dan Pelancaran Kempen Pembudayaan Norma Baharu Peringkat Negeri Sabah, Program BizFrancais @ Sabah 2020, INSKEN-TEKUN Business Outreach 2020 dan INSKEN Business Coaching (IBC) dan Business Enhancement Programme (BEP) 2020.

Adalah diharapkan program-program ini dapat memberi manfaat kepada usahawan mikro, PKS dan koperasi di Sabah khususnya.

Sekian, terima kasih.